


**CARTA ALIR PERMOHONAN  
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**


**1. Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan ke LHDNM**



1. Semak nombor pengenalan cukai (TIN) secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Daftar di Portal MyTax
2. Daftar nombor cukai pendapatan secara dalam talian (online) melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my>
3. Kemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual.

**CARTA ALIR PERMOHONAN  
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**



**2. Pembayar cukai sedia ada yang belum mengemukakan BNCP / BNCKHT bagi mana-mana tahun taksiran**




1. Semak pengemukaan BNCP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan
  
2. Kemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual

**CARTA ALIR PERMOHONAN  
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**


**3. Pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP dan ingin membuat pelaporan pendapatan tambahan**



1. Buat pelaporan pertambahan pendapatan, dengan mengemukakan permohonan melalui pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax dengan memuat turun dan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0




2. Hantar Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 yang telah dilengkapkan bersama-sama pengiraan cukai (jika berkaitan) dengan :
  - i. memuat naik Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai (jika berkaitan) melalui pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax
  - ii. klik Penghantaran Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai (jika berkaitan)



**CARTA ALIR PERMOHONAN  
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**

**4. Pembayar duti yang tidak membuat penyeteman dokumen / perjanjian selepas tempoh penyeteman yang dibenarkan**



1. Kemukakan permohonan dokumen / perjanjian melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) di pautan <https://stamps.hasil.gov.my/> untuk penyeteman.

2. Notis Taksiran dikeluarkan.

3. Mohon rayuan penalti melalui STAMPS bagi melayakkan tawaran penalti di bawah PKPS 2.0

4. Buat pembayaran duti setem.

